

Sebagai sebuah kumpulan berintegrasi, PASDEC, melalui anak-anak syarikat subsidiari dan bersekutu menjalankan perniagaan yang merangkumi pembangunan hartanah, pengurusan projek, pengurusan resort, pembuatan batu bata, kuari dan perdagangan bahan binaan.

Pembangunan dan pengurusan hartanah terus kekal sebagai aktiviti perniagaan teras Kumpulan dalam tahun yang dinilai.

Meskipun beberapa projek lewat dilaksanakan berbanding perancangan sebenar, tahun 2004 telah menyaksikan penyempurnaan beberapa projek dengan penyerahan kunci kepada pembeli-pembeli rumah di projek Mahkota Perdana Fasa 2, Balok Perdana Fasa 3, Bandar Baru Gebeng dan rumah kedai di Jaya Gading, Kuantan.

Pembangunan berintegrasi di Balok Perdana telah memasuki fasa ketiga pembangunan dan bergerak membangun dengan pelancaran kedai komersil satu tingkat dalam bulan April 2004 dan 63 unit rumah teres satu tingkat dalam bulan Mei 2004. Bandar ini kini menjadi kediaman kepada lebih 290 keluarga.

Dengan pembangunan berkonsepkan “Hidup bermasyarakat di tengah alam semulajadi”, sebahagian dari habitat asal di kawasan ini telah dikekalkan. Kerja-kerja lanskap untuk mencantikkan kawasan dan memberikan persekitaran yang kondusif yang dijalankan sepanjang tahun membuktikan keprihatinan kami terhadap alam sekitar.

Produk premium kami di Astana Golf Resort Berhad, Bandar Indera Mahkota iaitu Astana Villa di bawah konsep jual dan bina telah mendapat sambutan yang agak menggalakkan dan jualan dijangka meningkat apabila kawasan persekitaran mula dibangunkan sepenuhnya.

Mahkota Perdana Fasa III adalah sebuah lagi projek kelas premium yang dilancarkan oleh Kumpulan dalam tahun 2004. Ianya terdiri daripada 14 unit rumah berkembar dua tingkat dan 48 unit rumah berkembar satu tingkat. Kumpulan juga telah melancarkan 64 unit rumah berkembar di Astana View, di kawasan berdekatan.

Tahun 2004 telah menyaksikan pelancaran Balok Permai yang terletak tidak jauh dari Pusat Perkhidmatan Balok, Kuantan, sebuah lagi projek pembangunan bercampur yang mengandungi pada 61 unit rumah kos



54 units of medium low cost houses, 139 unit medium cost single storey terrace houses, 31 units of double storey terrace houses and 48 units of single storey semi-detached houses. This RM 30.0 million project is expected to be developed within 3 years.

The Group, through our subsidiary Pasdec Mega Sdn. Bhd., has a strong presence in Jerantut with the launch of the 5th Phase of Taman Inderapura in Jerantut comprising 81 units of semi-detached houses and 61 units of single storey terrace. The previous phases of the project have been fully taken up and the recently launched phase has also been fully booked.

Buyers' expectation for quality homes have increased over the years, thanks largely to the competitiveness of the industry. In this vein, the Group is committed to deliver quality and comfortable homes at an affordable price and this had, over the years, secured a strong market position for PASDEC as a major player in Pahang.

rendah, 54 unit rumah kos sederhana rendah, 139 unit teres satu tingkat kos sederhana, 31 unit teres dua tingkat dan 48 unit rumah berkembar satu tingkat. Projek RM30 juta ini dijangka dibangunkan dalam tempoh 3 tahun.

Kumpulan melalui anak syarikat, Pasdec Mega Sdn. Bhd., telah mempunyai kedudukan yang agak kukuh dan tidak asing lagi di Jerantut, dengan pelancaran projek Taman Inderapura Fasa 5 yang terdiri daripada 81 unit rumah berkembar dan 61 unit teres satu tingkat. Projek ini dijangka siap pada akhir tahun 2005. Sambutan terhadap fasa-fasa awal di projek ini amat menggalakkan dan begitu juga fasa seterusnya telah habis ditempah.

Persaingan dalam industri telah meningkatkan kesedaran dan kehendak pembeli terhadap rumah yang berkualiti. Selaras dengan itu, Kumpulan sentiasa komited untuk menyediakan rumah yang berkualiti dan selesa pada harga yang berpatutan dan seterusnya mengukuhkan kedudukannya sebagai pemaju hartanah utama di Pahang.



quality excellence



K u a l i t i U n g g u l

Customers' satisfaction on our products and services are continuously the focus of our quality management. The quality objectives as outlined in the current MS ISO900:2000 certification by SIRIM highlight the Group parameters in fulfilling our mission. Our commitment is to continue striving for quality excellence and to deliver products and services that meet or exceed customer requirements in compliance with applicable regulations and international standards.

In realising the objective, the Group has aligned steps to enhance the effectiveness and efficiencies of the Quality Management System through team building and motivation programs and the on-going training programs for the staff.

We are indeed gratified that our efforts to present and report on the Group's financial and corporate information with full disclosure and highest quality through our 2003 Annual Report have won us a Certificate of Merit from the National Annual Corporate Report Awards (NACRA) Committee.



Kepuasan pelanggan terhadap produk dan perkhidmatan kami adalah fokus berterusan di dalam pengurusan kualiti kami. Objektif kualiti yang digariskan dalam pensijilan MS ISO 9001:2000 oleh SIRIM meletakkan parameter Kumpulan dalam memenuhi misi kami. Komitmen kami adalah untuk terus berusaha untuk kecemerlangan kualiti dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan dengan mencapai atau melebihi kehendak pembeli seiring dengan memenuhi syarat dan piawaian antarabangsa.

Selaras dengan usaha untuk mencapai objektif yang digariskan, Kumpulan telah mengatur langkah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam Sistem Pengurusan Kualiti melalui pembentukan kumpulan kerja berpasukan dan program motivasi dan juga program latihan kepada kakitangan Kumpulan secara berterusan.

Usaha Kumpulan untuk membenteng dan melaporkan kewangan dan maklumat korporat dengan pernyataan penuh dan berkualiti tinggi melalui Laporan Tahunan PASDEC 2003 telah diiktiraf dan memenangi Sijil Penghargaan oleh Jawatankuasa Laporan Tahunan Korporat Kebangsaan (NACRA).

greatest asset



A s e t U t a m a



The Group has always acknowledged its human resources as its greatest asset. Our human resources development philosophy has been clearly outlined in our corporate objective i.e. “to reinforce a well planned human resource development in order to create and maintain a dynamic and professional work force through an excellent working culture”. We value our highly skilled and dedicated staff, who are the most vital factor for the group’s continuous success.

Numerous training in various capacities, both internal and external, is conducted throughout the year in 2004. The main objectives are to provide and enhance knowledge, sharpen their management skills, inculcate positive value, team spirit among employees as well as creating an excellent working culture.

In order to foster closer ties and to instill a strong sense of belonging and unity among the staff, annual get-togethers such as Family Day and Hari Raya Open House as well as annual sports events such as badminton, bowling and golf tournaments have been organised.



Kumpulan sentiasa menghargai sumber manusia sebagai aset utamanya. Falsafah pembangunan sumber manusia telah digariskan dengan jelas dalam objektif korporat kami iaitu “keperluan mengukuhkan pembangunan sumber manusia yang terancang bagi membentuk dan mengekalkan tenaga kerja yang dinamik dan profesional melalui budaya kerja yang cemerlang”. Kami menghargai kakitangan kami yang sangat berkemampuan dan berdedikasi, yang merupakan faktor paling penting untuk kejayaan Kumpulan.

Latihan berterusan dalam pelbagai bidang secara dalaman dan luaran telah dilaksanakan sepanjang tahun 2004. Matlamat utama adalah untuk menyalurkan dan meningkatkan pengetahuan, memperbaiki kebolehan pengurusan, memupuk nilai-nilai positif, semangat berkumpulan di antara pekerja dan membina budaya kerja yang cemerlang.

Dalam memupuk hubungan yang lebih rapat di antara kakitangan dan membina semangat bersatupadu di antara para pekerja, aktiviti tahunan seperti Hari Keluarga, Rumah Terbuka Hari Raya dan pertandingan sukan tahunan seperti badminton, boling, golf dan lain-lain telah dianjurkan.

looking ahead



M e n i n j a u M a s a H a d a p a n



The general positive sentiment for the Pahang property market after the opening of the East Coast Highway in August 2004 is expected to prevail in 2005. The opening of the highway heralds positive sentiments and new interest towards future growth and improvement in all sectors of the Pahang property market.

Property development shall remain as the Group's core business in the future.

Moving forward, the Group will strive to put in place a well-integrated mechanism at every step of development process from planning right up to the completion and handover of houses to buyers to boost its productivity and profitability.

We endeavour to develop and provide homes to different layers of society to fulfill our social obligations as a responsible developer. While striving for a better future, we are simultaneously building better quality homes for the society.